

13/12/2021 ml: 15 SINAR HARIAN

Nelayan Vietnam didenda RM12.6 juta

Dua tekong, 30 awak-awak ceroboh, tangkap ikan di perairan negara

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Dua tekong bersama 30 awak-awak bot nelayan Vietnam didenda dengan jumlah keseluruhan RM12.6 juta kerana menceroboh dan melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara.

Hukuman denda yang melibatkan dua kes berasingan itu diputuskan oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Jumaat.

Pengarah Maritim Negeri Pahang, Laksamana Pertama Maritim Datuk Amran Daud berkata, dalam keputusan salah satu kes, seorang tekong bot nelayan Vietnam didenda RM3 juta, manakala 12 awak-awak didenda RM300,000 setiap seorang selepas disabitkan kesalahan.

Menurut beliau, hukuman atas tekong, Nguyen Tan Sanh, 32, dan 12 awak-awak berusia 21 hingga 49 tahun itu diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kuantan, Siti Aminah Ghazali.

Jelas beliau, semua tertuduh dijatuhkan hukuman mengikut Seksyen 15(1) Akta Perikanan 1985



FOTO: MARITIM MALAYSIA PAHANG

Salah sebuah bot nelayan Vietnam yang dilucut hak oleh Mahkamah Sesyen Kuantan kerana menceroboh dan menangkap ikan secara haram di perairan negara.

yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM6 juta bagi tekong dan RM600,000 membabitkan awak-awak jika sabit kesalahan.

"Kesalahan itu dilakukan di kedudukan kira-kira 36 batu nautika tenggara Kuala Pahang pada 3 Oktober tahun lalu.

"Bot yang ditahan merupakan bot pembekal (*mother ship*) yang tidak daftarkan di negara ini dengan membawa hasil laut dalam perairan negara tanpa kebenaran," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Amran memberitahu, dalam satu lagi kes, Hakim Mohd Kafil Che Ali menetapkan tekong bot nelayan Vietnam, Pham Chi Dung, 55, didenda RM600,000, manakala 18 awak-awak didenda RM300,000.

"Kesemua tertuduh mengaku ber-

salah terhadap pertuduhan mengikut seksyen yang sama.

"Bot itu ditahan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia di kedudukan kira-kira 29 batu nautika timur laut Pulau Tioman pada 5 Jun lalu sebelum kes diserahkan kepada Maritim Negeri Pahang untuk tangkapan semula," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dalam keputusan kedua-dua kes itu, mahkamah turut memerintahkan bot terlibat, bekalan diesel dianggarkan bernilai hampir RM3.5 juta dan hasil laut yang dirampas dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

Tambahnya, keputusan itu satu kejayaan dalam usaha mengekang pencerobohan nelayan asing Vietnam daripada terus berleluasa mengaut hasil laut negara.